



Urusan perbankan secara dalam talian telah menjadi semakin mudah dan orang ramai harus berwaspada dan mengambil langkah-langkah keselamatan semasa melakukan transaksi kewangan secara dalam talian

AMALAN TERBAIK KESELAMATAN TRANSAKSI KEWANGAN SECARA DALAM TALIAN

Pastikan alamat sesawang bank yang dilayari adalah tepat dan betul

Daftar keluar serta merta selepas melengkapkan transaksi dalam talian

Sentiasa pantau akaun anda dari aktiviti yang mencurigakan

Pastikan rekod paparan Tarikh dan Masa kali terakhir anda mendaftar masuk adalah tepat

Pastikan aplikasi perbankan mudah alih dimuat turun hanya daripada bank atau institusi kewangan

Jangan klik pada mana-mana pautan yang mencurigakan

Pastikan perisian anti-virus dan anti-malware yang digunakan berlesen dan sentiasa dikemaskini

Jangan balas e-mel yang menanyakan maklumat peribadi

Gunakan dua faktor pengesahan bagi memastikan keselamatan akaun anda

Baca maklumat privasi dan polisi sebelum menjalankan transaksi

Jangan mengakses akaun anda dengan menggunakan Wi-Fi

Pastikan log masuk dan kata laluan dirahsiakan

Amalkan penggunaan kata laluan yang kukuh